



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

CETAKAN SEMULA

Akta 96

AKTA JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN) 1965

Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006

Teks ini HANYA TERJEMAHAN oleh Jabatan Peguam Negara, bagi Loans Guarantee (Bodies Corporate) Act 1965. Melainkan jika dan sehingga ditetapkan sah di bawah subseksyen 7(1) Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 [Akta 32], teks ini bukan perundangan.

DITERBITKAN OLEH
PESURUHJAYA PENYEMAK UNDANG-UNDANG, MALAYSIA
DI BAWAH KUASA AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968
SECARA USAHA SAMA DENGAN
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BHD

2006

**AKTA JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN
PERBADANAN) 1965**

Pertama kali diperbuat	1965 (Pinjaman Luar (Kerajaan Singapura dan Pertubuhan Perbadanan) Akta No. 28 tahun 1965)
Disemak	1972 (Akta 96 m.b.p. 1 November 1972)

CETAKAN SEMULA YANG TERDAHULU

<i>Cetakan Semula Yang Pertama</i>	1994
<i>Cetakan Semula Yang Kedua</i>	1999

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 96

AKTA JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN) 1965

SUSUNAN SEKSYEN

Seksyen

1. Tajuk ringkas
2. Kuasa untuk menjamin pinjaman
3. Pertubuhan perbadanan
4. Pengentukan jumlah wang yang diperdapatkan
5. Pengeluaran bon, dsb., dan cagaran
6. Sekatan ke atas kuasa meminjam pertubuhan perbadanan selagi jaminan masih berkuat kuasa
7. Kuasa yang boleh dijalankan oleh Kerajaan sekiranya ada kemungkinan berlakunya keingkaran oleh pertubuhan perbadanan
8. Pertubuhan perbadanan hendaklah membayar balik kepada Kerajaan jumlah wang yang telah dibayar di bawah jaminan
9. Terma dan syarat yang dipersetujui atau diluluskan
10. Pelaksanaan obligasi di bawah perjanjian

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 96

AKTA JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN) 1965

Suatu Akta untuk membenarkan Kerajaan untuk menjamin pinjaman yang diperdapatkan oleh pertubuhan perbadanan tertentu dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berkaitan dengannya.

[1 April 1965]

Tajuk ringkas

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965.

(2) *(Ditinggalkan).*

Kuasa untuk menjamin pinjaman

2. (1) Kerajaan boleh, berhubung dengan apa-apa pinjaman yang diperdapatkan oleh mana-mana pertubuhan perbadanan yang baginya Akta ini telah ditetapkan terpakai di bawah seksyen 3 (kemudian daripada ini disebut “suatu pertubuhan perbadanan” atau “pertubuhan perbadanan itu”, mengikut mana-mana yang berkenaan), menjamin penunaian oleh pertubuhan perbadanan itu obligasinya di bawah mana-mana perjanjian yang dibuat berkaitan dengan pemerdapan pinjaman itu atau di bawah mana-mana bon, nota janji hutang atau surat cara lain yang dikeluarkan menurut perjanjian itu; dan jaminan tersebut hendaklah mengikut apa-apa cara dan atas apa-apa terma dan tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang dipersetujui antara Kerajaan dengan pihak berkuasa yang daripadanya pinjaman itu diperdapatkan.

(2) Apa-apa jaminan yang diberikan di bawah seksyen ini hendaklah diberikan secara bertulis atas nama Kerajaan dan jaminan itu dan apa-apa pengendorsan pada mana-mana bon, nota janji hutang atau surat cara lain mengenai apa-apa jaminan yang diberikan di bawah seksyen ini boleh ditandatangani bagi pihak Kerajaan oleh Menteri atau oleh mana-mana orang yang diberi kuasa secara bertulis oleh Menteri.

(3) Tertakluk kepada subseksyen (4), Menteri hendaklah, dengan seberapa segera yang mungkin selepas sesuatu jaminan di bawah seksyen ini diberikan, membentangkan di hadapan Dewan Rakyat suatu penyata mengenai jaminan itu bersama dengan suatu salinan perjanjian yang tersebut dahulu.

(4) Subseksyen (3) tidak terpakai bagi sesuatu jaminan atau bagi mana-mana perjanjian yang diperakui oleh Menteri mengandungi perkara sulit; dan subseksyen itu tidak terpakai bagi jaminan itu sehingga dan melainkan jika perkara itu terhenti menjadi sulit.

Pertubuhan perbadanan

3. Akta ini hendaklah terpakai bagi apa-apa pertubuhan perbadanan sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri melalui perintah.

Penguntukan jumlah wang yang diperdapatkan

4. (1) Apa-apa jumlah wang yang dijamin di bawah Akta ini dengan ini diuntukkan pertamanya bagi membayar perbelanjaan yang berkaitan dengan pemerdapan pinjaman itu dan, tertakluk kepada pembayaran perbelanjaan itu, bagi maksud yang baginya pinjaman itu diperdapatkan:

Dengan syarat bahawa jika mana-mana bahagian daripada jumlah wang itu tidak dapat digunakan bagi maksud yang tersebut dahulu, bahagian itu boleh digunakan bagi apa-apa maksud lain sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri.

(2) Apa-apa perjanjian antara pertubuhan perbadanan itu dengan pihak berkuasa yang daripadanya pinjaman yang dijamin di bawah Akta ini diperdapatkan hendaklah dibuat atas nama pertubuhan perbadanan itu.

Pengeluaran bon, dsb., dan cagaran

5. (1) Walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam mana-mana undang-undang bertulis, pertubuhan perbadanan boleh mengeluarkan apa-apa bon, nota janji hutang dan surat cara lain atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri bagi maksud melaksanakan mana-mana perjanjian yang tersebut dahulu.

(2) Walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam undang-undang bertulis yang melaluinya sesuatu pertubuhan perbadanan ditubuhkan, pertubuhan perbadanan itu boleh menggadaikan atau mengadaikan semua atau mana-mana harta (alih atau tak alih), perusahaan, atau hasilnya bagi menjadi cagaran untuk apa-apa jumlah wang yang diperdapatkan dengan cara pinjaman dan yang dijamin di bawah Akta ini.

Sekatan ke atas kuasa meminjam pertubuhan perbadanan selagi jaminan masih berkuat kuasa

6. Selagi Kerajaan masih bertanggung di bawah mana-mana jaminan yang diberikan di bawah Akta ini berkenaan dengan apa-apa jumlah wang yang diperdapatkan oleh sesuatu pertubuhan perbadanan, pertubuhan perbadanan itu tidak boleh kecuali dengan persetujuan Menteri, menjalankan apa-apa kuasa meminjam lain yang dimiliki olehnya.

Kuasa yang boleh dijalankan oleh Kerajaan sekiranya ada kemungkinan berlakunya keingkaran oleh pertubuhan perbadanan

7. (1) Jika Yang di-Pertuan Agong berpendapat bahawa ada sebab yang munasabah untuk mempercayai—

- (a) bahawa sesuatu pertubuhan perbadanan mungkin gagal atau tidak dapat menunaikan mana-mana obligasinya di bawah mana-mana perjanjian yang dibuat olehnya di bawah Akta ini atau di bawah mana-mana bon, nota janji hutang atau surat cara lain yang dikeluarkan menurut mana-mana perjanjian itu; dan
- (b) bahawa Kerajaan adalah bertanggung atau mungkin akan bertanggungjawab di bawah mana-mana jaminan yang diberikan di bawah Akta ini berkenaan dengan obligasi itu,

Yang di-Pertuan Agong boleh melalui perintah memberikan atau memberi kuasa mana-mana orang lain untuk memberikan apa-apa arahan, dari semasa ke semasa, kepada pertubuhan perbadanan itu sebagaimana yang difikirkan perlu atau wajar oleh Yang di Pertuan Agong atau orang lain itu bagi memastikan bahawa perkiraan yang memuaskan dibuat oleh pertubuhan perbadanan itu untuk membolehkannya menunaikan obligasinya dengan sewajarnya di bawah perjanjian, bon, nota janji hutang atau surat cara itu atau di bawah Akta ini.

(2) Pertubuhan perbadanan itu hendaklah, walau apa pun apa-apa jua peruntukan yang terkandung dalam undang-undang bertulis yang melaluinya pertubuhan perbadanan itu ditubuhkan, mematuhi apa-apa arahan yang diberikan oleh atau di bawah mana-mana perintah itu.

Pertubuhan perbadanan hendaklah membayar balik kepada Kerajaan jumlah wang yang telah dibayar di bawah jaminan

8. (1) Jika apa-apa jumlah wang dibayar daripada Kumpulan Wang Disatukan berkenaan dengan apa-apa liabiliti yang ditanggung oleh Kerajaan di bawah suatu jaminan di bawah Akta ini, pertubuhan perbadanan itu hendaklah membayar balik jumlah wang itu (bersama dengan bunganya pada kadar yang sama dengan kadar yang kena dibayar atas pinjaman di bawah perjanjian antara pertubuhan perbadanan itu dengan pihak berkuasa yang daripadanya pinjaman itu diperdapatkan) kepada Kumpulan Wang Disatukan mengikut apa-apa cara dan pada bila-bila masa atau mengikut apa-apa ansuran sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri.

(2) Jika apa-apa jumlah wang yang dibayar itu daripada Kumpulan Wang Disatukan, Menteri hendaklah dengan seberapa segera yang mungkin selepas berakhir setiap tahun kewangan yang bermula pada tahun jumlah wang itu telah dibayar dan yang berakhir pada tahun semua liabiliti berkenaan dengannya dan apa-apa bunga yang kena dibayar atasnya selesai dijelaskan oleh pertubuhan perbadanan yang berkenaan itu, membentangkan di hadapan Dewan Rakyat, suatu penyata yang berhubung dengannya.

Terma dan syarat yang dipersetujui atau diluluskan

9. Tanpa menjejaskan subseksyen 2(1) dan 5(1), terma dan syarat yang dipersetujui oleh Kerajaan atau diluluskan oleh Menteri di bawah Akta ini, mengikut mana-mana yang berkenaan, bolehlah termasuk berkenaan dengan mana-mana jaminan yang diberikan atau perjanjian yang dibuat di bawah Akta ini atau di bawah mana-mana bon, nota janji hutang atau surat cara lain yang dikeluarkan menurut mana-mana jaminan atau perjanjian itu, termasuk peruntukan bagi menghendaki pertubuhan perbadanan itu atau Kerajaan atau kedua-duanya patuh kepada bidang kuasa mahkamah negara tempat pinjaman itu diperdapatkan.

Pelaksanaan obligasi di bawah perjanjian

10. (1) Menteri boleh memperuntukkan melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* bahawa apa-apa cukai atau duti yang kena dibayar masing-masing di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], atau Akta Setem 1949 [*Akta 378*], hendaklah diremitkan jika peremitan itu perlu bagi memberikan kuat kuasa yang penuh dan sempurna kepada mana-mana perjanjian, bon, nota janji hutang, surat cara atau jaminan yang baginya Akta ini terpakai.

(2) Tiada apa-apa jua dalam Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 [*Akta 17*], boleh terpakai bagi apa-apa transaksi yang dikehendaki bagi melakukan pembayaran apa-apa jumlah wang dalam apa-apa mata wang mengikut terma mana-mana perjanjian, bon, nota janji hutang, surat cara atau jaminan itu.

(3) Kecuali sebagaimana yang dipersetujui antara Menteri dengan pihak berkuasa yang daripadanya pinjaman itu diperdapatkan, tiada lien atas mana-mana aset pertubuhan perbadanan itu boleh dijadikan cagaran bagi apa-apa hutang melainkan jika diperuntukkan dengan nyata bahawa lien itu akan *ipso facto* memastikan pembayaran sama rata dan mengikut kadar bagi wang pokok, bunga dan caj lain atas mana-mana pinjaman, atau mana-mana bon, nota janji hutang atau surat cara yang dikeluarkan menurut mana-mana pinjaman yang dijamin di bawah Akta ini.

(4) Dalam subseksyen (3)—

“lien” termasuklah apa-apa jua jenis gadai janji, sandaran, gadaian, keistimewaan dan keutamaan.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 96****AKTA JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN
PERBADANAN) 1965**

SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
Akta A232	Akta Gerenti Pinjaman Luar Negeri (Pertubuhan Perbadanan) (Pindaan) 1974	01-09-1973
Akta A548	Akta Gerenti Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) (Pindaan) 1983	18-02-1983

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 96****AKTA JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN
PERBADANAN) 1965****SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA**

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
Tajuk ringkas	Akta A232	01-09-1973
2	Akta A232	01-09-1973
9	Akta A548	18-02-1983
10	Akta A232	01-09-1973
